

SHARIAH PARAMETERS FOR KEEPING PETS IN THE HOME

PARAMETER SYARIAH BAGI PEMELIHARAAN HAIWAN KESAYANGAN DI DALAM RUMAH

Muhammad A'tif Fitri Muhammad Salimⁱ, Muhammad Yusri Yusof @ Sallehⁱⁱ & Paiz Hassanⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610, Perak. 2024453668@student.uitm.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610, Perak. e-mail: yusri613@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610, Perak. paiz4186@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>Keeping of pets in domestic spaces has become increasingly common among contemporary Muslim communities, especially in urban settings where pets such as cats, birds, rabbits, and fish are viewed not only as companions but also as sources of emotional support and psychological well-being. However, this practice necessitates a thorough understanding of and compliance with Shariah principles, particularly in regard to ritual purity, the sanctity of worship spaces, and the ethical treatment of animals. This study aims to identify the key Shariah parameters that should guide Muslim pet owners in maintaining a balance between their affection for animals and religious obligations. Employing a qualitative approach through textual analysis of classical fiqh sources and contemporary fatwas, the study highlights four main parameters: (i) pets must not interfere with obligatory acts of worship; (ii) cleanliness and purity of the home must be preserved; (iii) the ethical treatment of animals (ihsan) must be ensured, including adequate food, shelter, and medical care; and (iv) the keeping of pets should not result in harm (mafsadah) to the household. The findings suggest the necessity of developing a clear, systematic, and contextually relevant Shariah-compliant guideline to help modern Muslim households uphold both the welfare of animals and their religious duties in harmony.</i></p> <p>Keywords: <i>Shariah, Pets, Principles, Worship, Animals.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pemeliharaan haiwan peliharaan di dalam rumah semakin menjadi amalan lazim dalam kalangan masyarakat moden, khususnya umat Islam yang melihat haiwan seperti kucing, burung, arnab, dan ikan sebagai sumber ketenangan dan terapi emosi. Namun begitu, pemeliharaan ini menuntut kefahaman dan pematuhan terhadap prinsip Syariah agar tidak menjejaskan aspek ibadah, kesucian tempat tinggal serta kesejahteraan haiwan itu sendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti parameter Syariah yang menjadi panduan dalam pemeliharaan haiwan peliharaan di dalam rumah. Kajian ini</i></p>

	<p><i>menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen dan teks fiqh klasik serta kontemporari selain merujuk kepada pandangan autoritatif daripada mazhab utama dalam Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa parameter utama yang perlu dipatuhi, iaitu (i) pemeliharaan tidak mengganggu kewajipan ibadah; (ii) pemeliharaan tidak menjejaskan kebersihan dan kesucian tempat tinggal, khususnya dalam isu najis dan penyucian; (iii) pemeliharaan disertai dengan ihsan terhadap haiwan termasuk keperluan makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan; dan (iv) tidak menjadikan haiwan sebagai punca kemudaratan kepada penghuni rumah. Kajian ini mencadangkan agar satu garis panduan syariah yang jelas dan bersifat kontemporari digubal bagi membantu pemilik haiwan Muslim mengekalkan keharmonian antara kasih sayang terhadap haiwan dan pematuhan terhadap prinsip Syariah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Syariah, Haiwan Peliharaan, Prinsip, Ibadah, Haiwan.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Amalan pemeliharaan haiwan kesayangan di dalam rumah merupakan fenomena yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Islam, terutamanya dalam konteks kehidupan moden yang menuntut keseimbangan emosi, psikologi dan spiritual. Haiwan seperti kucing, anab, burung dan ikan sering kali dijadikan peneman hidup yang memberikan ketenangan dan sokongan emosi kepada pemiliknya. Kajian psikososial menunjukkan bahawa interaksi dengan haiwan kesayangan mampu mengurangkan tekanan dan meningkatkan kualiti kehidupan seseorang (Serpell, 2011). Namun begitu, pemeliharaan haiwan dalam rumah bagi umat Islam bukan sahaja melibatkan aspek perubahan positif pada diri seseorang, bahkan turut menuntut pematuhan terhadap prinsip dan parameter yang ditetapkan oleh syariah Islam.

Dalam kerangka hukum Islam, interaksi antara manusia dan haiwan dipandu oleh prinsip ihsan (belas kasihan), taharah (penyucian), serta pertimbangan masalah dan mafsadah (kebaikan dan kemudaratan). Prinsip ihsan yang merupakan nilai universal dalam Islam menuntut agar haiwan dilayan dengan penuh belas kasihan, diberi makan, perlindungan dan rawatan sekiranya sakit. Larangan menyakiti atau menzalimi haiwan ditegaskan dalam pelbagai hadis sahih, antaranya kisah seorang wanita yang dimasukkan ke dalam neraka kerana mengurung seekor kucing sehingga mati serta kisah seorang lelaki yang diampunkan dosanya kerana memberi minum kepada seekor anjing yang kehausan (al-Bukhari, 2001).

Dalam masa yang sama, Islam turut menekankan kepentingan menjaga kesucian tempat tinggal dan ruang ibadah melalui prinsip taharah. Isu kenajisan haiwan dan sesuatu yang terembes atau terpisah daripadanya telah dibahaskan secara mendalam dalam kalangan fuqaha terutamanya berhubung kenajisannya dan implikasi terhadap kebersihan sesuatu tempat dan kesahan ibadah (Al-Nawawi, 2001; Al-Sharbini, 1997).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis parameter syariah yang menjadi asas panduan dalam pemeliharaan haiwan kesayangan di dalam rumah. Kajian ini akan menelusuri pandangan mazhab-mazhab utama dalam Islam, disertai analisis terhadap fatwa-fatwa semasa seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta institusi fatwa negeri.

Dalam kerangka maqasid syariah, pemeliharaan haiwan sewajarnya diselaraskan dengan pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql) dan harta (hifz al-mal) agar ia dapat menyeimbangi kebaikan pemeliharaan pada diri dan tidak menjejaskan hal ehwal agama yang menjadi tunjang utama seorang Muslim seperti kesahan ibadah, kebersihan atau potensi mengakibatkan mudarat kepada penghuni rumah. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberikan garis panduan yang sistematik, bersifat kontekstual dan sejajar dengan tuntutan syariah dalam kehidupan moden umat Islam khususnya pemilik haiwan kesayangan.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan mengenai pemeliharaan haiwan kesayangan dalam Islam telah mendapat perhatian yang semakin meningkat dalam wacana keilmuan semasa khususnya berkaitan dengan hukum, kebajikan haiwan, dan isu kenajisan dalam ruang ibadah (Atif et.al., 2025; Aishah & Dahlia, 2020). Dalam aspek fiqh kenajisan pula, perbincangan utama sering tertumpu kepada status anjing dan implikasinya terhadap kesucian ruang rumah. Al-Nawawi (2001) menjelaskan bahawa air liur anjing diklasifikasikan sebagai najis mughallazah yang memerlukan penyucian sebanyak tujuh kali, salah satunya dengan air bercampur tanah. Pandangan ini adalah berdasarkan hadis sahih riwayat Muslim dan diterima pakai secara meluas oleh mazhab al-Syafi'i. Justeru, kebanyakan fuqaha tidak menggalakkan pemeliharaan anjing di dalam rumah melainkan untuk tujuan yang diharuskan syarak seperti menjaga keselamatan atau memburu (Al-Sharbini, 1997).

Fatwa semasa turut memperkukuh ketetapan yang dinyatakan oleh ulama fiqh. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia memutuskan bahawa pemeliharaan anjing sebagai haiwan kesayangan tanpa sebab syar'ie adalah dilarang (JAKIM, 2021). Walau bagaimanapun, dalam isu pemeliharaan kucing terdapat keadaan bahawa ia adalah diharuskan. Kucing dianggap sebagai haiwan yang suci berdasarkan hadis Nabi SAW yang menyatakan bahawa ia termasuk dalam haiwan yang "berkeluaran di sekeliling kamu" dan tidak dikategorikan sebagai najis (al-Bukhari, 2001). Selain itu, setiap haiwan yang lain juga harus dipelihara selagi mana ia tidak membawa mudarat.

Dari sudut psikologi dan sosiologi, Serpell (2011) menegaskan bahawa interaksi manusia dengan haiwan kesayangan memberi impak positif terhadap kesihatan mental, mengurangkan tekanan, dan membentuk empati sosial. Ini membuka ruang kepada perbincangan interdisiplin antara aspek hukum Islam dan kesejahteraan psikososial sekali gus menuntut garis panduan yang seimbang antara prinsip maqasid Syariah dan keperluan kehidupan moden. Dalam kerangka maqasid Syariah, pemeliharaan haiwan boleh dikaitkan dengan perlindungan nyawa (hifz al-nafs) dan akal (hifz al-'aql), selama mana ia tidak bertentangan dengan perlindungan agama (hifz al-din) dan kesucian ibadah.

Sorotan ini menunjukkan bahawa walaupun pemeliharaan haiwan dalam rumah dibenarkan dalam Islam, ia tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang berpaksikan prinsip-prinsip agama Islam. Keperluan kepada suatu garis panduan yang sistematik dan kontekstual menjadi semakin penting dalam menghadapi gaya hidup moden yang menjadikan haiwan sebagai sebahagian daripada struktur sosial rumah tangga Muslim.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif-analitik, dengan memberi tumpuan kepada analisis teks dan dokumen sebagai sumber utama. Pemilihan pendekatan ini adalah berasaskan keperluan kajian terhadap penafsiran hukum-hakam Islam berkaitan pemeliharaan haiwan kesayangan khususnya dalam konteks kehidupan moden yang menuntut keselarasan antara amalan harian dan pematuhan terhadap prinsip Syariah. Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kepustakaan (*library research*) yang melibatkan penelusuran terhadap sumber-sumber primer dan sekunder hukum Islam termasuk karya klasik dalam bidang fiqh daripada mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali serta dokumen fatwa kontemporari yang dikeluarkan oleh institusi fatwa rasmi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan mufti negeri-negeri.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui dua sumber utama iaitu pertama, analisis dokumen fiqh klasik yang merangkumi kitab di dalam mazhab Al-Sayfie seperti al-Majmu' oleh Imam al-Nawawi, Mughni al-Muhtaj oleh al-Sharbini, dan lain-lain lagi. Turut dirujuk ialah sumber hadis seperti Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim bagi menyokong hujah dan prinsip syariah berkaitan hak haiwan dari beberapa sudut. Kedua, kajian ini turut mengumpul data daripada dokumen rasmi seperti keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan, Irsyad Fatwa Wilayah dan artikel ilmiah kontemporari berkaitan kesejahteraan haiwan dalam Islam.

Bagi menganalisis data, kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik yang melibatkan proses mengenal pasti, menstruktur dan menafsirkan tema-tema utama yang berkaitan dengan isu pemeliharaan haiwan dari perspektif syariah. Antara tema utama yang dianalisis ialah konsep *ihsan* terhadap haiwan, prinsip *taharah* dan kenajisan serta pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah* dalam hukum pemeliharaan haiwan kesayangan di rumah. Kajian ini turut melakukan perbandingan antara pandangan mazhab-mazhab utama serta analisis terhadap konsensus dan perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha.

Penilaian terhadap dapatan dilakukan dengan merujuk kepada kerangka maqasid syariah bagi memastikan parameter yang dirumuskan sejajar dengan prinsip perlindungan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*) dan harta (*hifz al-mal*). Proses triangulasi antara dokumen klasik, fatwa semasa dan dapatan literatur kontemporari digunakan bagi memastikan kebolehpercayaan dan ketekalan hasil kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemeliharaan haiwan kesayangan dalam rumah adalah dibenarkan dalam Islam dengan syarat-syarat tertentu yang selari dengan prinsip dan parameter syariah. Berdasarkan analisis terhadap teks-teks fiqh klasik serta fatwa kontemporari, terdapat empat parameter utama yang digariskan: (i) pemeliharaan tidak menjejaskan kesahihan ibadah; (ii) kebersihan dan kesucian ruang kediaman perlu dipelihara; (iii) hak-hak haiwan hendaklah dipenuhi menurut konsep *ihsan*; dan (iv) pemeliharaan tidak boleh mendatangkan kemudaratan kepada penghuni rumah. Kesemua parameter ini menunjukkan bahawa Islam bersifat menyeluruh dalam mengatur hubungan antara manusia dan haiwan termasuk dalam ruang kediaman peribadi.

Pertama, isu kesahihan ibadah menjadi perhatian utama dalam fiqh pemeliharaan haiwan. Ibadah adalah aspek utama yang perlu dipelihara oleh semua umat Islam. Penjagaan ibadah bermula daripada aspek membersihkan diri daripada najis dan hadas. Oleh itu, selaku pemilik haiwan harus selalu cakna terhadap kebersihan tempat di dalam rumah yang dijadikan tempat solat atau pakaian yang dibawa untuk solat. Ini demikian kerana, jika seseorang itu menanggung najis atau bersambung dengan najis ketika di dalam solat, solatnya dikira tidak sah. Said Ba-Ishin (2004) menyatakan:

(ولا تصح صلاة من يلاقي بعض بدنه، أو) محموله من (ثوبه) أو غيره (نجاسة) في جزء من صلاته (وإن لم يتحرك بحركته)؛ لنسبته إليه.

Maksudnya, “dan tidak sah solat seseorang yang terkena pada sebahagian badannya atau menanggung dengan bajunya atau selain baju akan najis pada sebahagian solatnya sekali pun tidak bergerak dengan bergerak dirinya kerana dinisbahkan semua itu kepada diri orang yang solat”.

Kedua, aspek *taharah* turut menjadi tema penting dalam penentuan hukum pemeliharaan haiwan dalam rumah. Aspek ini mengutamakan cara membuang dan membersihkan najis. Para ulama membahagikan najis kepada tiga, iaitu mukhaffafah, mutawassitah dan mughollazah berdasarkan kesukaran untuk membersihkannya. Najis mukhaffafah adalah najis ringan yang mudah dibersihkan, najis mukhaffafah adalah air kencing bayi lelaki yang berumur tidak lebih dua tahun dan hanya meminum susu untuk kenyang. Cara membersihkannya adalah dengan menghilangkan ain atau zat najis terlebih dahulu dengan menggunakan kain atau mop. Seterusnya, merenjis air mutlak sehingga melebihi kawasan yang terkena najis.

Najis mutawassitah pula, adalah najis yang termasuk di dalamnya kebanyakan najis di dalam kategori ini seperti darah, muntah, air kencing dan sebagainya. Cara membersihkan najis mutawassitah perlu didahului dengan menghilangkan ain atau zat najis terlebih dahulu. Kemudian, mengalirkan air mutlak di atas tempat yang terkena najis tersebut. Najis mughallazah adalah najis yang berat atau sukar cara membersihkannya. Cara membersihkannya adalah dengan membuang ain atau zat najis terlebih dahulu lalu

mengalirkan tujuh kali air mutlak di atas kawasan yang terkena najis salah satunya dengan air tanah. Lebih baik dimulakan basuhan dengan menggunakan air tanah.

Selain itu, para fuqaha turut membincang tentang sesuatu yang terpisah daripada haiwan sama ada najis atau tidak. Antaranya ialah hukum anjing, babi dan sesuatu yang lahir daripada keduanya. Terdapat beberapa kes di Malaysia, seseorang yang beragama Islam memelihara anjing di dalam rumahnya. Pengkaji telah menyatakan bahawa hukum memelihara anjing di dalam rumah adalah haram jika tidak ada keperluan di awal kajian seperti yang dinyatakan oleh (Roa, 2024). Secara asasnya berdasarkan atmosfera pengamalan mazhab Syafie di Malaysia, sudah maklum bahawa anjing dan sesuatu yang terpisah daripadanya adalah najis mughallazah. Pendapat ini juga merupakan pendapat jumhur para ulama' daripada mazhab yang lain seperti Hanbali dan Hanafi.

Seterusnya, hukum air liur dan bekas minuman haiwan. Para ulama' di dalam mazhab Syafie bersepakat menghukumkan air liur dan bekas minuman kucing adalah suci. Dalil yang menyokong pendapat ini adalah:

{ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «إِنَّهَا لَيْسَتْ بِنَجَسٍ إِنَّمَا هِيَ مِنَ الطَّوَّافِينَ عَلَيْكُمْ وَالطَّوَافَاتِ وَ قَدْ رَأَيْتَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ تَوْضَأُ بِفَضْلِهِ {

Maksudnya, “Bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya ia (kucing) tidak najis. Hanyasanya ia (kucing) haiwan yang selalu berkeliaran di kalangan kamu dan aku (Saidatina Aisyah) pernah melihat Rasulullah SAW berwuduk dengan lebih air minuman kucing” (Hadis. Abu Daud).

Berdasarkan hadis di atas, jelas menunjukkan tentang kesucian air liur kucing kerana Nabi SAW menyebut tentang kesuciannya serta ditambah pula dengan perbuatan Baginda yang berwuduk dengan lebih air minuman kucing. Jika lebih air minuman itu tidak suci, nescaya Rasulullah SAW tidak akan berbuat demikian. Al-Nawawi (t.t.) di dalam kitab al-Majmuk menyatakan bahawa di dalam mazhab Syafie hukum air liur dan lebih air minuman kucing adalah suci.

Perkara lain yang sering menimpa pemilik haiwan adalah haiwan merembeskan air mata, peluh dan hingus. Hukum kenajisan bagi perkara tersebut adalah seperti berikut:

Para ulama di dalam mazhab Syafie berbeza pendapat tentang masalah ini kepada dua pendapat. Pendapat pertama, setiap satu dari air mata, peluh dan hingus ini diambil kira pada kenajisannya berdasarkan hukum kenajisan air liur dan lebih air minum haiwan tersebut. Jika air liur dan lebih air minum haiwan tersebut suci, maka, air mata, peluh, susu dan hingus haiwan ini juga turut suci. Para ulama' yang berpegang kepada pendapat ini menggunakan kaedah qiyas terhadap air lebih minuman haiwan tersebut kerana keduanya didapati mempunyai illah yang sama, iaitu, sukar untuk dielakkan. Kata al-Nawawi di dalam al-Majmu':

مَا يَنْفَصِلُ مِنْ بَاطِنِ الْحَيَوَانِ قِسْمَانِ أَحَدُهُمَا مَا لَيْسَ لَهُ اجْتِمَاعٌ وَاسْتِحَالَةٌ فِي الْبَاطِنِ وَإِنَّمَا يَرَشَحُ رَشْحًا وَالثَّانِي مَا يَسْتَحِيلُ وَيَجْتَمِعُ فِي الْبَاطِنِ ثُمَّ يَخْرُجُ فَالْأَوَّلُ كَالدَّمِ وَاللُّعَابِ وَالْعَرَقِ وَالْمُخَاطِ وَحُكْمُهُ حُكْمُ الْحَيَوَانِ الْمُنْفَصِلِ مِنْهُ إِنْ كَانَ نَجَسًا وَهُوَ الْكَلْبُ وَالْحَنْزِيرُ وَفَرَعُ أَحَدِهِمَا فَهُوَ نَجَسٌ أَيْضًا وَإِنْ كَانَ طَاهِرًا وَهُوَ سَائِرُ الْحَيَوَانَاتِ فَهُوَ طَاهِرٌ بِلَا خِلَافٍ وَأما الثاني فكالدم والبول والعدرة والروث والقئ والقيح وكُلُّهُ نَجَسٌ وَيُسْتَثْنَى اللَّبَنُ وَالْمَنِيُّ وَالْعَلَقَةُ

Maksudnya, “Sesuatu yang terpisah daripada batin haiwan terbahagi kepada dua. Pertama, yang tidak berhimpun dan tidak melalui proses perubahan (istihalah) di batinnya, ia hanya terembes sahaja. Kedua, sesuatu yang melalui proses perubahan (istihalah) dan terhimpun di batin haiwan kemudian keluar. Perkara perkara yang pertama itu seperti air mata, air liur, peluh dan hingus. Hukumnya seperti hukum dari haiwan mana ia terpisah, sekiranya daripada haiwan yang najis seperti anjing, babi dan keturunan salah satunya maka ia juga

turut menjadi najis, sekiranya haiwan yang suci maka hukumnya (air mata, air liur, peluh dan hingus) juga turut suci tanpa ada khilaf. Adapun yang kedua, contohnya seperti darah, air kencing, tahi, muntah dan nanah semuanya najis namun dikecualikan susu, air mani dan alaqah”.

Pendapat kedua pula, terdapat satu wajah dari mazhab Syafie yang menyatakan setiap satu dari air mata, peluh, dan hingus ini diambil kira seperti hukum daging haiwan tersebut. Jika daging haiwan tersebut suci maka air mata, hingus dan susu juga suci namun jika sebaliknya maka semua perkara ini juga turut menjadi najis. Hujah bagi pendapat ini adalah setiap perkara berikut adalah satu jujuk daripada haiwan jika haiwan tersebut suci maka suci perkara yang disebutkan tadi.

Terdapat sebuah lagi perhatian yang perlu diberikan iaitu bulu yang terpisah daripada haiwan. Menurut Al-Nawawi (2005) di dalam kitab *Minhaj Al-Talibin*, hukum sesuatu bahagian yang terpisah daripada haiwan itu hukumnya seperti bangkai haiwan tersebut. Seandainya bangkai haiwan itu suci, maka, sesuatu bahagian yang terpisah daripada dirinya ketika hidup juga dihukumkan suci. Jika sebaliknya, maka hukumnya najis. Terdapat satu kaedah yang menyatakan setiap kaedah pasti ada pengecualian. Pengecualian di sini adalah bulu setiap haiwan yang boleh dimakan. Oleh itu, semua bulu haiwan yang boleh dimakan, seandainya terpisah daripada haiwan tersebut ketika hidup, maka ianya adalah suci. Contohnya kuda, kuda adalah haiwan yang boleh dimakan berdasarkan dalil yang diriwayatkan oleh Imam Al-Syafie iaitu:

{ مَا رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ عَنْ جَابِرٍ قَالَ: أَطَعَمَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لُحُومَ الْخَيْلِ، وَهَآنَا عَنْ لُحُومِ الْحَمِيرِ }

Maksudnya, “Imam Al-Syafi’i telah meriwayatkan daripada Sufian daripada Amru Bin Dinar daripada Jabir berkata: Rasulullah memberi kami makan daging kuda dan melarang kami makan daging keldai”.

Oleh itu, bulu yang terpisah daripada kuda adalah suci sekali pun ia dicabut dan tersebar di segenap tempat kerana ia adalah haiwan yang boleh dimakan.

Ketiga, dapatan turut menunjukkan bahawa Islam menekankan konsep ihsan dalam pemeliharaan haiwan, yang merangkumi penyediaan makanan yang mencukupi, tempat tinggal yang selesa, dan rawatan kesihatan jika diperlukan. Perkara ini didasari oleh firman Allah SWT di dalam Surah Al-An’am ayat 38:

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَالُكُمْ مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ﴾

Maksudnya, “Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)”.

Menurut Ibn Kathir (2018) maksud “umat-umat seperti kamu” merujuk kepada hak yang sepatutnya diberikan kepada haiwan sama seperti manusia, iaitu diberi nyawa, rezeki dan hidup dengan baik di bumi. Perkara ini disokong pula dengan hadis yang masyhur tentang seorang lelaki yang dimasukkan ke dalam syurga kerana kebaikannya memberi minum kepada seekor anjing:

{ بَيْنَا رَجُلٌ يَمْشِي، فَاشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ، فَنَزَلَ بِئْرًا، فَشَرِبَ مِنْهَا، ثُمَّ خَرَجَ فَإِذَا هُوَ بِكَلْبٍ يَلْهَثُ يَأْكُلُ التُّرْبَ مِنَ الْعَطَشِ، فَقَالَ: لَقَدْ بَلَغَ هَذَا مِثْلَ الَّذِي بَلَغَ بِي، فَمَلَأَ حُفَّةً، ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِيَدَيْهِ، ثُمَّ رَقِيَ، فَسَقَى الْكَلْبَ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ، فَعَقَّرَ لَهُ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنَّ لَنَا فِي الْبَهَائِمِ أَجْرًا؟ قَالَ: فِي كُلِّ كَبِدٍ رَطْبَةٌ أَجْرٌ }

Maksudnya, “Terdapat seorang lelaki sedang berjalan lalu dia berasa haus maka dia turun ke sebuah perigi dan minum daripadanya. Apabila dia keluar, terdapat seekor anjing yang sedang mengeluarkan lidahnya lalu menjilat tanah kerana kehausan. Maka dia berkata: Anjing ini kehausan sepertimana aku alami sebentar tadi. Disebabkan itu, dia memenuhkan kasutnya dengan air dan dia memegang kasutnya (yang diisi dengan air) dengan mulutnya. Kemudian dia memberi anjing itu minum. Dengan itu, dia bersyukur kepada Allah SWT maka Allah SWT mengampuninya”. Mereka (para sahabat) bertanya: “Wahai Rasulullah SAW, adakah bagi kami ganjaran jika kami berlaku baik pada haiwan?”. Rasulullah SAW bersabda: “(Berbuat baik) Setiap yang bernyawa itu akan diberi pahala” (Hadis. al-Bukhari. 2363).

Bukanlah haiwan apa yang diambil kira namun perkara yang diambil kira adalah perbuatan menyelamatkan nyawa haiwan yang hidup itu diberi ganjaran pahala yang besar. Selain itu Ibn Sayyid Al-Nas (2007) menyatakan antara akhlak Baginda Rasulullah SAW adalah baginda memberi minum kucing dengan baginda memegang mangkuk minuman itu sehinggalah kucing tersebut kekenyangan. Berdasarkan hujah dan dalil yang dinyatakan, jelaslah bahawa kebajikan haiwan sangat dititikberatkan oleh Islam dan seharusnya pemilik tidak mengabaikannya.

Keempat, kajian ini turut mengesahkan bahawa pemeliharaan haiwan tidak boleh menjadi punca kemudaratan kepada penghuni rumah sama ada dari sudut kesihatan, keselamatan atau gangguan emosi. Dalam kerangka masalah dan mafsadah, sebarang mudarat perlu dielakkan walaupun pemeliharaan itu pada asalnya harus. Perkara ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW iaitu:

عن أبي سعيد سعد بن مالك بن سنان الخدري رضي الله تعالى عنه أن رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم قال: {لا ضرر ولا ضرار} رواه ابن ماجة والدارقطني وغيرهما مسنداً

Maksudnya, “Daripada Abu Said Saad bin Malik bin Sinan Al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Janganlah kamu memudaratkan orang lain dan menyebabkan diri sendiri terkena mudarat” (Hadis. Ibn Majah dan Al-Darqutni).

Berdasarkan hadis ini terbina kaedah fiqh yang berkaitan dengan “kemudaratan” iaitu:

الضرر يزال

Maksudnya, “Kemudaratan hendaklah dihilangkan”.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa Islam tidak menolak pemeliharaan haiwan kesayangan, bahkan menggalakkannya dalam keadaan tertentu selagi mana ia tidak bercanggah dengan tuntutan agama. Perbincangan ini turut mengukuhkan keperluan kepada garis panduan pemeliharaan haiwan kesayangan yang berteraskan syariah secara sistematik khususnya dalam konteks gaya hidup Muslim moden yang lebih kompleks. Panduan ini bukan sahaja penting untuk memastikan kesejahteraan haiwan tetapi juga bagi memelihara kesucian rumah sebagai ruang ibadah dan pembinaan spiritual ahli keluarga.

PARAMETER SYARIAH BAGI PEMELIHARAAN HAIWAN KESAYANGAN DI DALAM RUMAH

Dalam kerangka syariah Islam, pemeliharaan haiwan kesayangan di dalam rumah dibenarkan dengan syarat ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas agama. Pertama sekali, aspek pemilihan haiwan memainkan peranan penting dalam menentukan kesesuaian hukum. Umat Islam digalakkan untuk memelihara haiwan yang bukan najis dan tidak memudaratkan seperti kucing, burung, arnab dan ikan. Manakala pemeliharaan anjing pula hanya dibenarkan sekiranya terdapat keperluan syar'ie seperti keselamatan, perburuan atau sebagai bantuan kepada individu kelainan upaya (OKU), sebagaimana

ditegaskan dalam keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan (JAKIM, 2021). Selain itu, seharusnya bagi pemilik haiwan untuk mengelakkan daripada memelihara haiwan yang memudaratkan kerana ia termasuk perkara sia-sia. Meninggalkan perkara sia-sia termasuk dalam kebaikan seseorang muslim seperti yang disebutkan di dalam hadis Nabi (Al-Nawawi, 2010).

Kedua, aspek penjagaan kebersihan dan kesucian kediaman hendaklah diberi perhatian khusus. Tempat tinggal yang dihuni oleh haiwan peliharaan perlu sentiasa dipastikan dalam keadaan bersih, khususnya kawasan yang digunakan untuk ibadah seperti ruang solat. Najis perlu dibersihkan dengan cara yang mencapai piawai yang tepat berdasarkan ilmu syariat mengikut kategori najis yang tersendiri. Aspek ini sangat penting sebagai menjaga cabang keimanan. Sabda Nabi SAW:

{لطهور شطر الإيمان}

Maksudnya, "Kebersihan itu satu cabang daripada keimanan" (Hadis. Muslim).

Selain itu, aspek ini turut memainkan peranan dalam menyempurnakan ibadah seorang Muslim terutama ibadah solat.

Ketiga, pelaksanaan ibadah tidak boleh diabaikan disebabkan kehadiran haiwan peliharaan. Pemilik haiwan perlu memastikan bahawa najis haiwan tidak mencemari pakaian atau tempat solat mereka. Dalam hal ini, pengurusan najis dan batasan pergerakan haiwan dalam rumah perlu dikawal secara berdisiplin agar tidak menjejaskan sahnya ibadah harian. Ibadah solat yang dilakukan dalam keadaan tempat atau pakaian bernajis adalah tidak sah menurut hukum syariah. Ibadah solat adalah perkara asas yang perlu dipelihara oleh seseorang Muslim. Terdapat riwayat yang menyatakan bahawa perkara pertama yang akan disoal di akhirat adalah solat, apabila apabila amalan solat dilaksanakan dengan baik, maka akan menjadi baik segala amalan yang lain, jika sebaliknya, maka begitu juga amalan yang lain (Al-Jurjani, 2022)

Keempat, pemeliharaan haiwan perlu selari dengan prinsip ihsan, iaitu memperlakukan haiwan dengan kasih sayang dan tanggungjawab. Ini termasuk memberikan makanan yang cukup, tempat tinggal yang selesa, serta rawatan jika haiwan tersebut sakit atau tercedera. Berbuat baik terhadap setiap makhluk ciptaan Allah merupakan perkara penting yang perlu dipelihara oleh setiap Muslim. Oleh itu, sebarang bentuk pengabaian atau kekejaman terhadap haiwan dianggap berdosa. Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, sehingga Julai 2024 terdapat 7907 kes kekejaman haiwan telah direkodkan.

Antara kekejaman yang dilakukan adalah menyepak, memukul, meracun, menakutkan, membakar dan membunuh haiwan tanpa hak. Pemeliharaan hak haiwan ini telah ditekankan kepentingannya di dalam Akta Binatang 1953. Sememangnya, terdapat beberapa haiwan yang boleh dan disuruh untuk dibunuh di dalam Islam, namun, pembunuhan haiwan tersebut harus dilaksanakan dengan mengurangkan penyeksaan terhadap haiwan tersebut (Muhammad Nawawi Al-Bantani, 2011).

Kelima, sebarang bentuk kemudaratan fizikal, mental, atau kesihatan yang berpunca daripada haiwan peliharaan perlu dielakkan. Islam merupakan agama yang menekankan aspek kemasyarakatan yang baik, iaitu hubungan dengan manusia. Keutamaan utama adalah berkaitan hubungan dengan keluarga terhadap keluarga terhampir dan jiran tetangga. Ini berdasarkan penekanan Baginda untuk menjaga kebajikan terhadap ahli keluarga dan berbuat baik terhadap jiran (Al-Tirmizi, 2016).

Oleh itu, tidak sepatutnya kehadiran haiwan yang pada asalnya ingin dijadikan manfaat seperti memberi kerahatan minda dan jiwa, membawa mudarat yang lebih besar terhadap hubungan keluarga dan jiran tetangga. Maka, sekiranya pemeliharaan tersebut membawa kepada gangguan kesihatan, konflik keluarga, atau pencemaran ruang kediaman secara serius, maka ia perlu ditinjau semula berdasarkan kaedah fiqh *la darar wa la dirar* (tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan).

Akhir sekali, pemantauan dan pendidikan berterusan adalah penting bagi memastikan masyarakat muslim memahami tanggungjawab mereka dalam memelihara haiwan kesayangan. Menuntut ilmu agama adalah kewajipan bagi setiap Muslim. Ilmu yang dinyatakan di sini adalah ilmu fardu ain. Ilmu fardu ain ini adalah ilmu yang perlu seseorang tahu sebelum mengamalkannya atau melaksanakannya.

Oleh itu, sebagai seseorang yang ingin memelihara haiwan di dalam rumah, tidak dapat tidak pemilik haiwan tersebut mesti mengetahui selok-belok dan kemahiran memelihara haiwan ini agar tidak melanggar batas yang tidak sepatutnya. Institusi agama dan pendidikan perlu memainkan peranan proaktif dalam menyediakan modul fiqh haiwan semasa yang sesuai dengan gaya hidup moden. Kursus, seminar dan bahan rujukan berkaitan fiqh haiwan kesayangan perlu diperkasakan agar masyarakat tidak hanya bertindak berdasarkan belas kasihan semata-mata tetapi juga berpandukan prinsip syariah yang sahih dan praktikal.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa pemeliharaan haiwan kesayangan dalam rumah adalah dibenarkan oleh syariah Islam namun tertakluk kepada beberapa parameter yang jelas dan bersifat prinsipi. Lima parameter utama yang telah dikenal pasti ialah: keperluan menjaga kesucian dan kebersihan ruang ibadah; tidak mengabaikan kewajipan ibadah; memenuhi hak kebajikan haiwan peliharaan menurut prinsip ihsan; serta memastikan pemeliharaan tersebut tidak membawa kepada sebarang bentuk kemudaratan fizikal mahupun psikososial.

Kesemua parameter ini menunjukkan bahawa syariah memberikan ruang yang seimbang antara kasih sayang terhadap haiwan dan pemeliharaan prinsip keagamaan. Pemilihan haiwan peliharaan, cara pemeliharaan serta pengurusan najis hendaklah ditentukan berdasarkan panduan yang telah ditetapkan oleh nas syarak dan pandangan fuqaha yang mana ia selari dengan matlamat maqasid Syariah dalam aspek perlindungan agama, nyawa, dan akal.

Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini mencadangkan agar satu garis panduan rasmi berasaskan parameter Syariah dirangka secara komprehensif oleh pihak berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Fatwa Kebangsaan, yang dapat dijadikan rujukan oleh masyarakat umum khususnya pemilik haiwan Muslim. Garis panduan ini wajar mengambil kira bukan sahaja aspek hukum kenajisan dan ibadah, tetapi juga dimensi etika, kebajikan haiwan serta kesan terhadap institusi kekeluargaan.

Selain itu, pendidikan dan kesedaran awam mengenai hak dan tanggungjawab terhadap haiwan peliharaan wajar ditingkatkan melalui program dakwah, ceramah atau modul pembelajaran fiqh semasa. Kajian lanjut juga disarankan agar melibatkan kaedah lapangan seperti temu bual dengan pemilik haiwan, penggubal dasar serta pakar fiqh haiwan untuk menilai amalan sebenar dan cabaran yang dihadapi. Hal ini penting agar cadangan dasar yang dirumuskan benar-benar bersifat aplikatif dan kontekstual dalam masyarakat Islam masa kini.

RUJUKAN

Buku

- Al-'Asqalani, A.A. (2019). *Fath al-Bari: Syarh Sahih al-Bukhari*. Al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Bantani, M.N.U. (2011). *Kashifah al-Saja: Syarh Safinah al-Naja*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Bukhari. (2001). *Sahih al-Bukhari* (al-Kutub al-Tis'ah, ed. al-Maktabah al-Shamilah). Dar al-Salam.
- Al-Hajjaj, A.A.M. (2000). *Sahih Muslim*. Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Jurdani, M.'A. (2022). *Al-Jawahir al-Lu'lu'iyah fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Dar al-Minhaj.
- Al-Nawawi, Y.S. (2001). *Al-Majmu': Sharh al-Muhadhdhab* (Vol. 2). Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Y.S. (2004). *Minhaj al-Talibin*. Dar al-Minhaj.

- Al-Nawawi, Y.S. (2010). *Al-Arba'un al-Nawawiyyah*. Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Quraniyyah.
- Al-Sharbini, K. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj* (Vol. 1). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, M.I. (2016). *Sunan al-Tirmidhi*. Dar al-Ta'shil.
- Ba-'Ali Ba-Ishin, S.M. (2004). *Busyra al-Karim bi Sharh Masa'il al-Ta'lim*. Dar al-Minhaj.
- Ibn Kathir, A.A.I. (2018). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Dar al-Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Serpell, J. (2011). *The domestic dog: Its evolution, behavior and interactions with people* (2nd ed.). Cambridge University Press.

Jurnal

- Salim, M.'A.F.M., Salleh, M.Y.Y. & Hasan, P. (2025). Keperluan perincian hukum Islam terhadap isu-isu pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10(71), 175–185.

Seminar

- Ghazali N.A. & Sikumbang, D.P.D. (2020). Aplikasi mudah alih Pusat Nurseri Kucing (Aplikasi Kucingku). Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.